

Kejayaan Melayu penentu bangsa Malaysia: Dr Mahathir

BT - 25/5/2005 : 8

Oleh Jalal Ali Abdul Rahim

TRONOH: Tun Dr Mahathir Mohamad berkata, kejayaan orang Melayu dalam semua bidang akan menjadi penentu kepada mewujudkan bangsa Malaysia di kalangan rakyat pelbagai kaum di negara ini.

Bekas Perdana Menteri itu berkata, jika orang Melayu selaku kumpulan terbesar dan penduduk asal negara ini, maju dalam semua bidang, proses penerimaan konsep bangsa Malaysia, yang sebenarnya sukar dicapai kerana rakyat berbilang kaum, agama, bangsa dan budaya, akan menjadi lebih mudah.

Malah, jika orang Melayu teguh, proses itu sendiri akan lebih 'laris' di kalangan kaum lain.

"Jika orang Melayu bangsa yang cukup berjaya dalam semua bidang, saya fikir tidak jadi masalah untuk orang India dan Cina serta kaum lain menerima konsep Kebangsaan Malaysia.

"Sebab itu tanggungjawab untuk membentuk bangsa Malaysia ini berada di bahu orang Melayu, melainkan mereka tidak peduli sama ada bangsa lain berbeza dengan mereka, jauh daripada mereka dan tidak pun menganggap Malaysia sebagai negara mereka.

"Saya katakan ini secara terus terang, saya tahu ada antara yang

hadir (di sini) orang India dan Cina... mereka akan hormati dan akan sanggup dikenali sebagai bangsa Malaysia jika orang Melayu di negara kita adalah bangsa atau suku kaum yang berjaya dalam semua bidang," katanya.

Beliau yang juga Penasihat Petronas dan Canselor Universiti Teknologi Petronas (UTP) berkata demikian ketika menyampaikan Syarahan Perdana bertajuk 'Pembentukan Bangsa dan Negara' di universiti itu di sini, semalam.

Dr Mahathir berkata, pembentukan satu bangsa Malaysia maju yang setanding dengan bangsa lain di dunia juga memerlukan usaha gigih dari semua

pihak terutama orang Melayu.

Beliau berkata, setakat ini walaupun sudah ada konsep mengenai bangsa Malaysia, tetapi ia belum benar-benar membentuk satu bangsa sebaliknya cuma membentuk satu gabungan bangsa-bangsa yang mengiktiraf diri mereka sebagai orang Malaysia.

"Namun, ramai juga yang sudah sebatu dengan negara ini, mereka benar-benar rasa bangsa Malaysia. Walaupun daripada keturunan negara lain, tetapi mereka begitu rasa terikat dan setia kepada bangsa Malaysia yang cuba diwujudkan oleh kita.

"Sebab itulah hubungan pelbagai kaum di negara ini baik dan jika

usaha diteruskan mungkin penduduk negara kita akan berjaya membentuk satu bangsa dan satu negara, loyalty (kesetiaan) mereka hanya kepada negara ini dan tidak kepada negara lain," katanya.

Beliau berkata, orang Melayu boleh berjaya dan kuat dalam bidang politik, ekonomi dan sosial jika budaya dan nilai hidup mulia dipraktikkan termasuk berusaha, bekerja keras dan tidak menerima rasuah.

"Orang Melayu juga perlu berusaha sendiri kerana mereka tidak boleh terus diberi perlindungan atau keutamaan termasuk dalam bidang pendidikan sehingga akhir zaman.